

# Sabah maju jika BN tadbir: Mahathir

Oleh Agoes Kholil, Rosli Abdul Jalil dan Amirulah Andi Nur

KOTA KINABALU, Ahad — Kerajaan Pusat akan mengembalikan imej Sabah sebagai negeri terkaya di Malaysia seperti satu ketika dahulu jika Barisan Nasional (BN) kembali memerintah negeri ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berjanji, Kerajaan BN akan mentadbir Sabah sehingga menjadi negeri maju seperti dilakukannya kepada Malaysia yang kini menjadi maju dan kaya.

Sehubungan dengan itu, beliau menggesa rakyat Sabah supaya menukar kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memerintah sekarang kepada BN supaya negeri itu boleh dibangunkan semula.

Menurutnya, BN sudah membuktikan kemampuannya membawa kebaikan dan kemajuan untuk semua rakyat tanpa mengira warna kulit dan kepercayaan agama di negara ini sehingga Malaysia dijadikan contoh oleh banyak negara.

"Ini janji BN. Seperti mana kita telah tadbir Malaysia sehingga menjadi maju, BN juga akan tentukan supaya Sabah maju semula.

"Inilah janji kita secara terbuka. Saudara-saudara semua menjadi saksi. Kita tidak buat janji secara main-main. Ini bukan janji politik,"katanya disambut tepukan gemuruh oleh kira-kira 1,500 hadirin di Dewan Sekolah Menengah Kian Kok, Jalan Tuaran, di sini.

Perdana Menteri berucap merasmikan perhimpunan agung kedua Parti Liberal Demokratik (LDP) di dewan itu. LDP ialah parti komponen BN Sabah selain Umno Sabah, Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) dan MCA.

Sambil mengakui Sabah sememangnya mempunyai kekayaan, Dr Mahathir berkata apa yang diperlukan di negeri ini ialah pentadbiran berkesan untuk menggantikan PBS.

Menurutnya, pemerintahan PBS sekarang hanya memainkan sentimen membenci Kerajaan Pusat dan mengutamakan hanya satu kaum, manakala pembangunan dan kebajikan rakyat terus diabaikan.

PBS, kata Perdana Menteri, tidak mementingkan nasib rakyat, sebaliknya mengutamakan kepentingan pemimpinnya, ahli keluarga dan rakan-rakan mereka sahaja.

Dr Mahathir berkata, tujuan pemimpin PBS membangkitkan kebencian terhadap Kerajaan Pusat ialah untuk kepentingan politik peribadi kerana parti itu sanggup melakukan apa saja untuk memenuhi kepentingan mereka.

Katanya, slogan 'Sabah untuk penduduk Sabah' yang dimainkan oleh pemimpin PBS bermaksud kekayaan negeri ini ialah untuk ahli keluarga dan rakan-rakan mereka saja.

Perdana Menteri berkata, bagi mencapai tujuan itu juga, PBS memecahkan perpaduan di kalangan pemimpin dan ahli Usno apabila ia berjaya menarik pemimpin Usno yang tamak kuasa untuk menyertai kerajaan campuran.